

Headline	Shell Malaysia peruntuk geran bantuan RM325,000 kepada sembilan NGO		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	08 May 2015	Language	Malay
Circulation	22,425	Readership	134,550
Section	Semasa	Color	Black/white
Page No	3	ArticleSize	308 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 616	PR Value	RM 1,848



# Shell Malaysia peruntuk geran bantuan RM325,000 kepada sembilan NGO

**KOTA KINABALU:** Shell Malaysia kelmarin memperuntukkan geran bantuan berjumlah RM325,000 kepada sembilan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi menyokong inisiatif pemuliharaan alam sekitar dan kehidupan lestari di bawah program Geran Pembangunan Kelestarian Shell Malaysia.

Enam daripada sembilan inisiatif itu memanfaatkan Sabah dan Sarawak manakal bakinya adalah inisiatif di Semenanjung Malaysia.

Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Sabah Datuk Seri Masidi Manjun menyampaikan geran bantuan itu kepada semua penerima.

Dalam ucapannya pada majlis itu, Pengurus Besar Sabah Shell Siti Sulaiman berkata syarikat itu memperuntuk geran bantuan berjumlah lebih RM3 juta kepada 73 buah NGO sejak ia diperkenalkan pada 2008.

Ia selaras dengan prinsip perniagaan Shell dan strategi jangka panjangnya yang

memberi penekanan kepada kelestarian dalam menjalankan perniagaan, katanya.

"Melalui program geran Shell, kami dapat memanfaatkan capaian dan pandangan NGO dan pertubuhan-pertubuhan lain untuk berusaha menangani isu-isu alam sekitar dan masyarakat secara lebih luas," kata Siti.

Sementara itu, Masidi berkata pemberian geran bantuan itu adalah contoh baik bagaimana organisasi korporat dan aktivis NGO dapat

bekerjasama untuk membawa perubahan positif kepada persekitaran dan kehidupan masyarakat.

Beliau berkata Shell, baik di negara ini mahupun global, akan terus menangani impak operasinya dan meneruskan program yang memupuk kebajikan komuniti dan masyarakat.

"Melabur dalam teknologi lestari akan mewujudkan pekerjaan dan membantu golongan miskin, meningkatkan taraf kesihatan dan pendidikan dan membangunkan

masyarakat yang lebih berdaya tahan dan adil," kata Masidi.

Sementara itu, Blue Life Ecoservices yang berpusat di Sabah menerima geran paling tinggi berjumlah hingga RM100,000 untuk melaksanakan dua daripada projeknya, "Fishing for Litter" dan "Aquaponic and Home Gardens for Better Livehoods" yang memanfaatkan penduduk Mantanani, sebuah pulau terpencil di pantai barat laut Sabah.

Penerima lain ialah Persatuan Pencinta Alam (cawangan Miri), Community-led Environmental Awareness For Our River (CLEAR), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bandar Utama Damansara 3,

Sekolah Kebangsaan (SK) Damansara, Jaya 2, SK Bukit Damansara, Enactus Universiti Utara Malaysia, Borneo Eco-

tourism Solutions and Technologies Society (BEST Society) dan Tatana Roots Community. - Bernama



LAWAT PAMERAN ... Masidi ketika melakukan lawatan di ruang pameran aktiviti pemuliharaan pembangunan mapan oleh beberapa persatuan pencinta alam semulajadi kelmarin.